

Kerajaan rugi berjuta \$ sebab Melayu lemah dlm niaga - Dr. M

SHAH ALAM 16 Jun
— Kerajaan telah kehilangan berjuta-juta ringgit yang dipinjamkannya kepada orang-orang Melayu yang tidak cekap menguruskan perniagaan mereka, menurut Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad.

"Walaupun kerajaan telah memberikan segala bantuan, orang-orang Melayu masih lagi gagal dalam perniagaan mereka kerana tidak cekap mengendalikan pengurusannya," tegas beliau.

"Kerana sebab yang sama, orang-orang Melayu sendiri menanggung kerugian modal yang besar," tambahnya.

Dalam hubungan ini, Timbalan Perdana Menteri berkata, adalah perlu bagi UMNO mengakui kelemahan orang-orang Melayu dalam mengurus perniagaan mereka dan mencari jalan memperbaikinya.

Gagal

Berucap merasmikan kursus ekonomi dan pelajaran anjuran Pergerakan Wanita UMNO di sini hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian, kegagalan mengakui wujudnya kelemahan tersebut akan menimbulkan akibat buruk terhadap orang Melayu sendiri.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir lagi, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak yang berkenaan untuk melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan pengurusan sekiranya mereka ingin setanding dengan kaum-kaum yang lain yang telah berjaya dalam perniagaan.

Katanya, kemudahan latihan pengurusan itu telahpun disediakan oleh kementeriannya melalui Pusat Daya Pengeluaran Negara tetapi ianya hanya mendapat sambutan dari kaum bumiputera baru-baru ini sahaja.

Bagaimanapun tambahnya lagi, kemudahan tersebut telah digunakan sepenuhnya oleh kaum lain yang masih terus berusaha untuk memperbaiki kedudukan mereka walaupun mereka telah maju di bidang perniagaan.

Beliau memberi jaminan bahawa kerajaan bersedia mengadakan lebih banyak kursus-kursus pengurusan di mana-mana tempat yang diperlukan oleh kaum bumiputera yang benar-benar berminat untuk melengkapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan itu.

Menurut beliau lagi, sebagai parti tu belakang kerajaan

hanya mempunyai kuasa politik untuk membenutuk dasar-dasar umum yang adil serta menyediakan peluang-peluang yang seimbang bagi semua kaum.

Bagaimanapun, jelasnya, tidaklah dapat dinafikan bahawa perjuangan UMNO selama ini telah memberikan banyak kebaikan kepada orang-orang Melayu khususnya dan kaum bumiputera amnya.

Oleh itu tambahnya, orang-orang Melayu haruslah berusaha dengan lebih giat untuk memperbaiki diri mereka di bidang ekonomi khususnya di bidang perniagaan.

Beliau juga mengingatkan tentang bahaya menggunakan kuasa untuk keuntungan diri sendiri kerana telah banyak kerajaan negara asing yang telah jatuh kerana pemimpin-pemimpinnya menggunakan kuasa untuk memperkayakan diri sendiri hingga membooskan rakyatnya.

Ujarnya, penglibatan seseorang dalam sebuah parti tidak seharusnya didorong oleh harapan untuk mendapatkan sesuatu kerana kuasa tidak boleh dianggap sebagai matlamat terakhir.